

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1975.**

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Permohonan-permohonan untuk Mendapat 'Covering
Approval' Bagi Tanah Yang Telah diluluskan/yang kurang daripada 10 ekar.

Pentadbiran ini telah menerima banyak permohonan-permohonan daripada Pemungut Hasil Tanah untuk mendapat 'Covering Approval' di atas lot-lot tanah yang telah pun diluluskan oleh Pemungut Hasil Tanah yang berkeluasan tiap-tiap satu lot kurang daripada 10 ekar, setelah diukur halus oleh Jabatan Ukur, lot-lot itu masing-masing telah menjadi lebih daripada 10 ekar. Apabila kelulusan diberikan atas permohonan yang seumpama ini, ada terdapat dalam masa yang pendek sahaja lot-lot ini dipindah milik dengan bebasnya kepada sesiapa-sesiapa jua yang disukainya khususnya kepada bukan bumiputra. Ini sangatlah tidak selaras, khususnya mengenai permohonan-permohonan daripada bumiputra, dengan objektif Undang-undang kawasan simpanan orang-orang melayu.

2. Pemungut Hasil Tanah adalah diminta supaya tidak lagi membuat apa-apa layanan di atas permohonan yang seumpama ini. Keluasan satu-satu lot tanah itu hendaklah diukur mengikut kelulusan yang telah diberi oleh pemungut hasil Tanah atau mana-mana pihak yang berkenaan. Mana-mana kawasan yang lebih, kiranya telah dluasakan dan ada tanaman, hendaklah dikeluarkan daripada lot tanah yang telah diluluskan itu dan tuan tanah (Pengusaha) itu bolehlah mengangkat permohonan tanah yang baharu bagi kawasan itu untuk dipertimbangkan.

3. Pengarah ukur telah pun memberi persetujuannya supaya Pemungut Hasil Tanah menghantar balik R/S atas permohonan tanah yang telah diukur halus itu supaya diukur balik mengikut kawasan yang telah diluluskan itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran tambahan.

t.t.
 (OSMAN BIN MOHD NOOR)
 Pengarah Tanah dan Galian,
 Terengganu.

Bil. (15) dlm. PTG. TR. 13/66/1 sem.

s.k.
 Yang Berhormat,
 Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu.

Settlement Collector,
 Terengganu.

Kuala Terengganu, hb. Mac, 1975.